

SOFYAN RIZAL ISHAK
sofyan.rizal@sinarharian.com.my

Apabila disebut ubi kayu, kebanyakan individu tidak menganggap ia sebagai tanaman makanan yang penting kerana tumbuhan tropika itu jarang digunakan dalam kehidupan seharian.

Tumbuhan kaya karbohidrat ini hanya dilihat penting tatkala sumber makanan biasa seperti beras sukar didapati, lantas menjadikannya sebagai makanan alternatif terbaik terutama ketika musim tengkujuh.

Bagaimanapun, siapa sangka tanaman tidak penting itu merubah kehidupan Tarmizi Dolah Husni, 53, yang mampu meraih keuntungan lumayan hanya dengan menghasilkan produk kerepek berasaskan ubi kayu.

Pemilik Jamirah Food Enterprise ini berkata, industri ubi kayu mempunyai pelbagai potensi yang boleh diterokai dan dikecapi sekiranya ia dilakukan dengan cara dan langkah sistematik.

Menurutnya, beliau sendiri turut tidak yakin dengan kemampuan komoditi pertanian itu ketika mula-mula menceburkan diri dalam bidang tersebut kira-kira 26 tahun lalu.

“Saya sendiri tertanya-tanya apakah tanaman ini berbaloi untuk diusahakan apatah lagi saya pernah gagal beberapa kali dalam perniagaan ini sejak bergiat dari dahulu,” katanya pada *InfoAgro*.



Bukan sekadar makanan

Tarmizi (kanan) turun padang bagi memastikan operasi ladang di Sepang berjalan lancar.

Tarmizi berkata, kegagalan itu membuatkan beliau bersemangat untuk terus mencuba, seterusnya mengkaji dan memperbaiki semula kesilapan yang dilakukan sebelum ini.

Antara perkara yang dilihat menggagalkan usaha beliau adalah kekurangan modal, keyakinan, pengalaman dan bekalan bahan mentah.

"Saya nekad untuk mengatasi masalah tersebut terutama daripada aspek bekalan bahan mentah yang merupakan perkara paling penting dalam pengeluaran produk," katanya.

Langkah jamin kualiti produk

Anak kelahiran Kampung Bukit Bangkong, Sepang ini mula membuka ladang tanaman ubi kayu seluas 1.2 hektar pada 1996 setelah mendapati ia penting untuk menjamin bekalan ubi kayu yang berpanjangan.

Beberapa tahun selepas itu, beliau mendapat pinjaman melalui skim pinjaman mikro kredit, seterusnya menggunakan kelebihan tersebut untuk menyewa lebih banyak tanah bagi tujuan tanaman dan pengeluaran.

Setakat ini beliau mempunyai tanah sewa seluas lebih 80 hektar yang mana ia menempatkan tanaman ubi kayu sebanyak 90 peratus dan ubi keledak (10 peratus).

"Kebanyakan tanah yang digunakan sebagai ladang disewa melalui usaha saya sendiri dan selebihnya disewa melalui konsep sewa pajak serta jalinan kerjasama



Tarmizi menunjukkan sebilangan produk kerepek ubi kayu yang dihasilkannya.

dengan pihak lain," katanya.

Ketika ditanya tentang pengurusan ladang, Tarmizi berkata, beliau menjalankan segala urusan secara manual tanpa menggunakan jentera dan hanya bergantung kepada tenaga buruh.

Menurutnya, beliau menyediakan jadual penggiliran untuk memastikan bekalan bahan mentah mencukupi bagi penghasilan kerepek ubi dan keledak sepanjang tahun.

Secara purata, Tarmizi menanam ubi di kawasan seluas 8 hektar bagi mendapatkan bekalan mentah. Bagaimanapun, ia masih tidak mencukupi kerana pada kebiasaannya beliau memerlukan hasil ubi yang ditanam pada keluasan 10 hingga 12 hektar untuk dijadikan bahan asas produk.

"Untuk mengatasi masalah itu, saya turut membeli bahan mentah daripada petani di seluruh negara, namun ia masih juga tidak mencukupi kerana produk kerepek sentiasa mendapat permintaan tinggi di pasaran," katanya.

Beliau berkata, walaupun pembukaan ladang mengundang kos tinggi namun ia dilihat sebagai langkah jangka panjang untuk

Kerepek ubi kayu bantu penda...

24/4/12 MS 4.

r
n biasa



pepek kayu u jana apatan

mendapatkan bekalan bahan mentah yang berpanjangan.

“Untuk saya, pembukaan ladang akan menjamin bekalan ubi berkualiti kerana kita sendiri boleh menentukan biji benih

yang ditanam, di samping dapat melakukan penjagaan teliti terutama dari aspek pembajaan dan kawalan rumpai,” katanya.

Harap sokongan agensi pertanian

Apa yang menarik, ladang tanaman ubi kayu yang diusahakan Tarmizi mempunyai keistimewaan tersendiri kerana ia diiktiraf Jabatan Pertanian Selangor melalui penganugerahan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM).

Sehingga kini, produk Tarmizi yang menggunakan jenama Agrochips mendapat sambutan menggalakkan daripada pengguna yang mana ia dihasilkan dalam 16 perasa berlainan.

Produk tersebut mempunyai pasaran yang kukuh dalam kalangan pengguna tempatan dan ia boleh didapati melalui pasaran borong, runcit dan pasar raya besar.

“Alhamdulillah, ketiga-tiga pasaran ini mempunyai keistimewaan masing-masing dan ia menyumbang kepada pendapatan bulanan saya iaitu kira-kira RM200,000 setiap bulan,” katanya.

Ketika ditanya perancangan masa depan, beliau merancang untuk meluaskan lagi ladang tanaman ubi kayunya dan dalam masa sama membuka sebuah lagi kilang pengeluaran



Kilang kerepek ubi kayu Tarmizi turut menyediakan ruang jualan bagi pelanggan yang berkunjung ke premisnya.

dengan menggunakan peralatan lebih moden.

“Perkara ini dilihat perlu kerana pasaran produk kerepek ubi kayu tidak pernah merudum malah sentiasa mendapat permintaan dan mencatatkan peningkatan dari masa ke masa,” katanya.

Beliau berkata, perniagaan kerepek ubi kayu ini bukan sekadar mencari keuntungan kerana niat utamanya adalah untuk meningkatkan taraf hidup keluarga serta memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat sekeliling.

Menurutnya, beliau turut

mengharapkan agensi pertanian memberi sokongan berterusan kepada beliau dan rakan-rakan usahawan lain dalam memastikan industri makanan ringan negara sentiasa berdaya saing dan mempunyai kualiti yang sama seperti produk luar negara.

“Produk kerepek berasaskan ubi kayu sememangnya mempunyai potensi yang tinggi dalam bidang perniagaan kerana ia sentiasa mendapat perhatian tidak kira daripada masyarakat dalam mahu pun luar negara,” katanya.

Tarmizi menggunakan biji benih ubi kayu kuning bagi mendapatkan hasil bahan mentah berkualiti.

